



**SIARAN MEDIA**  
**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG**  
**JABATAN PERDANA MENTERI**

---

**PERSIDANGAN ANTARABANGSA TADBIR URUS DAN INTEGRITI  
2025: MEMPERKUKUH PERANAN MALAYSIA DI PERSADA DUNIA**

**Putrajaya, 15 Julai 2025** – Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri (BHEUU, JPM) telah menganjurkan ***International Conference on Governance and Integrity 2025*** di Putrajaya hari ini.

Persidangan ini telah menghimpunkan lebih 300 peserta dari pelbagai latar belakang profesional dari sektor awam dan swasta termasuk agensi penguatkuasaan, pengamal undang-undang dan ahli akademik. Penyertaan peserta dari beberapa buah negara telah memberi dimensi global yang signifikan, dengan perbincangan yang berfokus kepada usaha memperkukuh tadbir urus dan integriti pada era digital serta cabaran rentas sempadan.

YAB Perdana Menteri, Dato' Seri Anwar Ibrahim, telah menyampaikan ucapnama dalam persidangan ini dan menzahirkan komitmen Kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai contoh negara yang unggul dalam tadbir urus dan integriti.

Antara tumpuan utama persidangan ini termasuk memperkasa mekanisme pencegahan rasuah, memajukan kerangka perlindungan pemberi maklumat, dan peranan teknologi dalam meningkatkan akauntabiliti awam. Isu-isu berkaitan kerjasama serantau dalam menangani jenayah merentasi

sempadan serta memajukan tadbir urus korporat yang mampan turut dibincangkan secara mendalam melalui sesi panel yang interaktif.

Para pembentang dari *United Nations Office on Drugs and Crime* (UNODC), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) dan Petronas turut berkongsi pengalaman dan amalan terbaik dalam bidang masing-masing.

Kerjasama erat dengan UNODC dan *International Anti-Corruption Academy* (IACA) dalam penganjuran persidangan ini adalah selaras dengan peranan YB Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Undang-Undang dan Reformasi Institusi), Dato' Seri Azalina Othman Said, sebagai Presiden IACA ke-13, yang memperkukuh aspirasi Malaysia untuk memimpin agenda integriti di peringkat global.

BHEUU, JPM yakin bahawa penganjuran persidangan ini Malaysia mengukuhkan kedudukan negara sebagai peneraju dalam mempromosikan tadbir urus baik di peringkat global.

**BAHAGIAN HAL EHWAL UNDANG-UNDANG**

**JABATAN PERDANA MENTERI**

**15 JULAI 2025**